

18/06/2003

Mata wang lain mampu ganti peranan dolar AS

By Abdul Halim Yusoff

SEBUT harga dagangan minyak menggunakan nilai bersamaan dolar dalam mata wang lain termasuk euro boleh menjadi kenyataan pada masa depan, kata pemerhati industri dan peserta pasaran minyak dan gas.

Meskipun cadangan menggunakan mata wang seperti euro bukan baru, mereka berpendapat ia akhirnya akan menggantikan fungsi dolar sebagai mata wang utama untuk sebut harga minyak.

Pesuruhjaya Tenaga Kesatuan Eropah, Loyola de Palacio, menegaskan beliau yakin pada masa depan euro akan berfungsi lebih penting sebagai mata wang pertukaran utama di peringkat antarabangsa.

"Euro adalah mata wang yang kukuh dan stabil. Fungsinya akan dipertingkatkan secara berperingkat. Ia adalah perkara biasa," katanya ketika ditemui pada hari kedua Persidangan Tahunan Minyak dan Gas Asia (AAOGC) ke-8 di Kuala Lumpur, semalam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas cadangan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya minyak disebut harga dalam nilai euro yang bersamaan dolar ketika nilainya kukuh atau menggunakan dolar apabila mata wang itu kukuh.

Cadangan itu dibuat untuk melindungi negara pengeluar minyak daripada ketidaktentuan turun naik pasaran mata wang kerana ia terdedah kepada manipulasi pedagang.

Dalam tempoh setahun lalu, dolar sudah susut nilai lebih 20 peratus berbanding euro.

Palacio berkata, Presiden Kesatuan Eropah, Romano Prodi sudah beberapa kali membangkitkan isu mengenai penggunaan euro dalam dagangan antarabangsa, cuma ia belum lagi menjadi kenyataan.

Sementara itu, Pengarah McKinsey & Co Inc dari Britain, Howard Harris, berkata penggunaan lebih banyak mata wang dalam menetapkan harga minyak mentah mungkin lebih baik untuk jangka panjang.

Beliau berkata, penetapan harga minyak mentah dengan cara itu mungkin akan lebih baik jika dikendalikan melalui pelbagai mata wang berbanding mata wang tunggal.

"Mungkin satu pertiga daripadanya dalam dolar (Amerika), satu pertiga yen dan satu pertiga euro bagi anda memilih," katanya di luar persidangan berkenaan, semalam.

Bagaimanapun Harris berkata, pendekatan "jika dolar tinggi, saya mahu dibayar dalam dolar" dan sebaliknya mungkin menyebabkan ketidaktentuan dalam industri.

Sementara itu, seorang delegasi syarikat minyak Indonesia, berkata Pertamina juga sudah membayangkan untuk mengurangkan fungsi dolar dan beralih kepada euro bagi menjaga kepentingannya berikutan kelemahan dolar Amerika.

Menggunakan euro untuk sebut harga minyak bukan baru kerana Iraq sebelum ini sudah menjual minyak menggunakan mata wang itu sebagai membantah apa yang dilihatnya sebagai usaha Amerika Syarikat mengarahkan sekatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu terhadapnya.

Pengerusi Total, Thierry Demerest, menegaskan kadar pertukaran semasa antara dolar dan euro tidaklah jauh sangat berbeza dengan paras purata jika dikira sepanjang 10 tahun lalu.

(END)